

### **3.0 Latar Belakang Ciri Fizikal dan Budaya Kawasan Kajian**

#### **3. a) Latar Belakang Seksyen 5, Bandar Petaling Jaya**

Seksyen 5 asalnya sebuah ladang matang kediaman Petaling Jaya . Ia terletak di antara Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Harta kediaman meliputi 570,81 ekar dan terletak di sepanjang 2.31 km Jalan Gasing mark.

Seksyen 5 terdiri 725 banglo, 366 rumah berkembar, 562 pautan-rumah dan kondominium 3 ( Menara Maxwell , Cameron Towers dan Fraser Towers ). Profil penduduk Seksyen 5 terdiri daripada sederhana kepada keluarga berpendapatan lebih tinggi dengan purata umur 40 tahun. Kebanyakan daripada mereka adalah profesional, doktor, ahli politik, dan ahli perniagaan. Sebahagian daripada rumah-rumah di sini lulus bersama-sama selama dua hingga tiga generasi.

Kemudahan banyak sekali dan kemudahan terletak dalam wilayah Seksyen 5. Terdapat beberapa sekolah di kawasan tersebut termasuk SMK Taman Petaling, SMK La Salle dan SRK La Salle. Selain itu, terdapat beberapa buah sekolah lain yang terletak hanya batu buang dari wilayah kecil seperti SMK Assunta, Sekolah Tinggi Katolik, dan SK Petaling Jaya 1 dan 2. Bagi rekreasi, terdapat beberapa taman permainan minit semata-mata dari Stadium Hoki MBPJ, Arena Rakan Muda dan Taman Jaya Lake.

Bukan itu sahaja, terdapat beberapa masjid, gereja, dan kuil-kuil boleh didapati berdekatan. Oleh itu, Seksyen 5 adalah sekadar tempat yang sempurna untuk tinggal berkembang keluarga. Lokasi Seksyen 5 juga besar jika seseorang itu perlu berulang-alik ke pusat bandar, Mid Valley City atau Bangsar untuk bekerja, kerana ia adalah semata-mata hanya 15 minit untuk kawasan-kawasan. Untuk membeli-belah dan percutian, itu disampaikan oleh Amcorp Mall, Mid Valley Megamall, The Gardens dan Bangsar Village. Ia boleh diakses dengan mudah dari Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Pantai Baru (NPE). Selain itu, ia juga dalam beberapa minit dari Jalan Templer Petaling dan KTM Komuter stesen.

**Sumber:** [www.propwall.my/petaling+jaya/section+5/732](http://www.propwall.my/petaling+jaya/section+5/732)


Ciri-ciri fizikal yang terdapat di kawasan kajian adalah:

- i. Sungai seperti sungai \_\_\_\_\_, sungai \_\_\_\_\_ dan sungai \_\_\_\_\_.
- ii. Tasik seperti Taman Jaya di utara kawasan kajian.
- iii. Bukit seperti Bukit Gasing di timur kawasan kajian.
- iv. Kawasan lapang seperti beberapa tanah kosong atau padang di **sesuatu** tempat.

Ciri-ciri budaya yang terdapat di kawasan kajian adalah:

- i. Petempton seperti rumah banglo dan rumah teres.
- ii. Rumah ibadat seperti gereja, masjid, tokong dan kuil seperti .....
- iii. Jalanraya seperti Jalanraya dua hala dan sehala, Lebuhraya Persekutuan serta landasan keretapi Komuter.
- iv. Institusi kerajaan seperti Balai Polis, Balai Bomba, Pejabat Pos, Dewan serbaguna dan sebagainya.
- v. Institusi pendidikan seperti sekolah, tadika, pengajian tinggi dan maktab.....
- vi. Kawasan perdagangan seperti stesen minyak, restoran kedai dan sebagainya.

### **3b. Peta Lakar Seksyen 5, Bandar Petaling Jaya**



Peta lakar menunjukkan kawasan kajian sekitar seksyen 5, Bandar Petaling Jaya yang lebih dikenali dengan nama Bukit Gasing.

Jalan Gasing di sebelah barat merupakan sempadan seksyen 5, bandar Petaling Jaya.

Di sebelah timur pula bertanah tinggi yang terdapat kawasan hijau Bukit Gasing yang seluas 100 hektar.

Tasik Taman Jaya di utara merupakan tempat rekreasi terdekat untuk penduduk sekitar.


Rumah ibadat seperti gereja, masjid, tokong dan kuil terdapat di merata tempat menunjukkan penduduk pelbagai kaum hidup aman damai di sini.

Pusat Perdagangan di seksyen 52, seksyen 1 dan 2 menunjukkan bahawa kawasan sekitar kajian ini adalah dinamik.

Keseluruhannya, kawasan kajian ini terdapat kawasan kediaman, perdagangan, petempatan, pendidikan dan hutan.

Kawasan kajian juga berdekatan dengan landasan komuter di selatan dan landasan LRT di utara.

### 3c (i) Kawasan berlorek yang berpotensi dimajukan



*(Pelajar boleh melakar dan membuat beberapa kawasan berpontensi dimajukan mengikut kehendak guru)*

**3c (ii) Jadual berikut adalah beberapa kawasan berpotensi cadangan soal selidik daripada responden di Seksyen 5.**

	<b>Kawasan</b>	<b>Potensi dimajukan menjadi</b>
1.	Kawasan kediaman	Tukar guna tanak kepada Homestay, industri desa, perkhidmatan atau perniagaan.
2.	Hutan Bukit Gasing	Taman Rimba dan Botanik
3.	Tasik Taman Jaya	Kawasan riadah, pusat kebudayaan atau seni
4.	Kawasan lapang	Bazaar gerai-gerai, pasar malam atau pusat sukan

**3c (iii) Justifikasi Pemilihan Kawasan Bukit Gasing**

- i. Merupakan kawasan tanah tinggi semulajadi.
- ii. Satu-satunya kawasan hutan semulajadi yang luas.
- iii. Kawasan hutang dengan pelbagai fauna dan flora semulakadi.
- iv. Boleh dihubungi melalui jalan raya dengan beberapa pintu masuk.
- v. Terletak di pinggiran Bandar Petaling Jaya yang berpenduduk sederhana padat .

**3c (iv) Potensi Kawasan Hijau Bukit Gasing**

Kawasan Hijau Bukit Gasing ini berpotensi dimajukan menjadi Taman Rimba dan Botanik bertaraf dunia. Kawasan ini bukan sahaja boleh menjadi pusat perlancongan yang terunggul malah boleh meletakkan Bandar Petaling Jaya di mata dunia. Sebagai contohnya, King Park and Botanic Garden di Perth, Australia dilawati sebanyak 6 juta pelancong setiap tahun.

Scara tidak langsung, ekonomi sekitar juga turut berkembang sebagai akibat daripada pembangunan Bukit Gasing ini. Sebagai contohnya, industri perhotelan, restoran, pengangkutan dan homestay akan turut berkembang dan meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan justeru menjadikan Bandar Petaling Jaya sebagai bandar dinamik. Kesenian dan kebudayaan turut berkembang selaras dengan kemajuan ini.

Kemudahan-kemudahan pengangkutan seperti jalanraya, komuter dan LRT yang sedia ada dan bentuk muka bumi semulajadi merupakan aset yang menggalakkan. Paling penting, nilai tanah kawasan sekitar turut melambung tinggi.

Bukit Gasing mempunyai bentuk muka bumi geografi yang sama dengan taman-taman pusat pelancongan terunggul di dunia seperti:

- a. Kings Park and Botanic Garden di Perth, Australia.
- b. Hyde Park di London, di Britian.
- c. Taman kyoto,di Tokyo,Jepun.

### Gambar Taman-taman Botanik di Dunia



*Kings Park and Botanic Garden di Perth, Australia.*



*Hyde Park di London, di Britian*



*Taman kyoto,di Tokyo,Jepun.*

### 3d. Halangan untuk Memajukan Kawasan Kajian

#### Bukit Gasing sebagai Taman Rimba dan Botanik

**Jadual halangan untuk memajukan kawasan berpotensi,  
Bukit Gasing daripada soal selidik 20 responden.**

	Halangan	Kekerapan
1.	Masalah modal	10
2.	Bantahan penduduk	5
3.	Masalah kesesakan lalu-intas	3
4.	Kepupusan flora dan fauna	2
	<b>Jumlah</b>	<b>20</b>

Berikut merupakan beberapa halangan utama untuk memajukan kawasan berpotensi Bukit Gasing sebagai Taman Rimba dan Botanik.

#### i. Masalah Modal

Dianggarkan projek ini akan memakan belanja sekurang-kurangnya RM600 juta. Ini disebabkan faktor saiz hutan, kesukaran bentuk muka bumi yang bertanah tinggi dan bertaraf antarabangsa. Sebagai contohnya, Taman Botanik di Singapura yang sebesar 82 hektar telah memakan belanja sebanyak RM400 juta untuk dimajukan.

#### ii. Bantahan Penduduk

Sebahagian penduduk seksyen 5 yang melebihi umur 50 tahun dan penduduk yang bersara membantah projek tersebut. Ini disebabkan pelbagai masalah seperti pencemaran, dan kos tukar guna tanah dan sebagainya. Sebagai contoh penduduk tua akan menentang bayaran tinggi cukai tanah yang bakal dikenakan.

#### iii. Masalah Kesesakan Lalu-lintas

Sebagai akibat pembangunan tersebut, kesesakan lalu-lintas pasti meningkat.

Kedatangan pelancong dari dalam dan luar, ditambah dengan ulang-alik penduduk tempatan bekerja pasti meningkatkan masalah kesibukan lalu-lintas. Buat masa sekarang, Jalan Gaing tidak pernah lenggang walaupun pada waktu bukan puncak.

#### iv. Kepupusan Flora dan Fauna

Para pencinta alam termasuk persatuan ‘NGO’ pasti mengutarakan bantahan atas sebab risiko kepupusan flora dan fauna. Dianggarkan kawasan Bukit Gasing dihuni tidak kurang daripada 80 spesis haiwan, 120 spesis serangga dan 70 spesis tumbuhan. Habitat flora dan fauna ini pasti terjejas sekiranya kawasan ini dimajukan.

#### 3e) Cadangan untuk Mengatasi Halangan Memajukan Kawasan Kajian Bukit Gasing

Berikut merupakan cadangan untuk mengatasi halangan memajukan kawasan kajian Bukit Gasing daripada soal selidik responden.

##### i. Cadangan untuk Mengatasi Masalah Modal

Walaupun projek kemajuan ini memakan belanja berjuta-juta ringgit, projek ini boleh dibiayai daripada pelbagai pihak. Peruntukan boleh dipohon daripada kerajaan tempatan maupun kerajaan pusat. Sumber tenaga juga boleh diperolehi daripada pelbagai Jabatan Kerajaan seperti Jabaan Kerja Raya, Jabatan Pembangunan Rakyat, Dewan Bandaraya dan sebagainya. Projek ini juga boleh dilakukan secara berperingkat demi peringkat. Sebagai contohnya, pembangunan boleh dibahagikan kepada beberapa fasa untuk suatu jangka masa yang panjang (10 atau 20 tahun pembangunan) supaya tidak sekali gus memerlukan modal yang besar tetapi dibiayai secara berperingkat.

##### ii. Cadangan untuk Mengatasi Bantahan Penduduk

Bantahan penduduk tentang masalah pencemaran boleh dikurangkan sekiranya projek pembangunan ini dirancang dengan teliti. Pelbagai pokok rendang boleh ditanam di sepanjang jalan. Suasana akan menjadi redup dan harmoni. Satu jawatankuasa juga perlu ditubuhkan untuk memberi penerangan tentang kepentingan projek tersebut. Pihak Majlis Bandaran pula boleh mengurangkan kos tukar guna tanah dengan mengenakan cukai yang rendah. Kos RM1000 yang dikenakan oleh Kerajaan Selangor untuk pemohonan memperbaharui tempoh geran tanah kediaman yang hampir tamat kepada 99 tahun merupakan satu contoh yang baik sekali.

### iii. Cadangan untuk Mengatasi Masalah Kesesakan lalu-lintas yang bakal berlaku

Ini merupakan isu yang paling ketara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cara penyelesaian untuk mengatasinya. Antaranya yang paling umum ialah melebarkan jalan dan menambahkan laluan keluar. Selain itu, menukar jalan dua hala kepada jalan sehala juga merupakan penyelesaian yang berkesan. Peparit atau longkang boleh ditutup untuk dijadikan laluan basikal atau penjalan kaki. Akhir sekali, jalan-jalan atau lorong-lorong tertentu boleh disekat daripada dilalui oleh kenderaan. Hanya basikal dan pejalan kaki sahaja dibenarkan melalui sebagaimana yang berlaku di Taman-taman dunia yang lain.

## 4. Rumusan

Kajian yang telah dijalankan di Bukit Gasing telah memberi pengalaman yang sangat berguna kepada saya. Kajian ini membolehkan saya mengenalpasti bentuk buka bumi di Bukit Gasing iaitu tanah pamah dan tanah tinggi. Selain daripada itu, saya juga dapat mengetahui dengan lebih jelas beberapa kepentingan bentuk muka bumi di kawasan kajian seperti atas kegiatan perdagangan mereka yang aktif. Saya juga adapt mengenalpasti halangan-halangan untuk memajukan kawasan yang berpotensi di kawasan kajian serta usaha-usaha yang perlu diambil untuk mengatasi halangan akibat daripada masalah-masalah tersebut. Akhir kata marilah sama-sama kita sebagai penduduk di Bukit Gasing khasnya dan rakyat Malaysia secara amnya menggunakan kemudahan kawasan perumahan sebaik mungkin agar kita tidak menghadapi masalah-masalah yang boleh menjadikan kehidupan kita akibat daripada tindakan kita sendiri. Kita sepatutnya bersyukur kerana dikurniakan oleh Allah SWT sebuah negara yang aman merdeka dengan pelbagai kemudahan yang disediakan termasuk kawasan perumahan yang baik. Saya menyedari betapa bertuahnya penduduk serta responden di kawasan kajian mempunyai kesedaran tentang pelbagai potensi khususnya bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Saya berharap usaha penduduk dan responden di kawasan kajian tersebut dapat dipertingkat dan diperbaiki dari masa ke semasa.

## LAMPIRAN

- 1) Surat kebenaran membuat kajian
- 2) Borang soal selidik

## SUMBER RUJUKAN [ contoh]

### 1) Buku Teks

-Buku teks tingkatan 1:

Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Lim Jin Choon dan Ratnam Karuppiah Servai, 2003, Buku Teks Geografi Tingkatan 1, Kuala Lumpur, Percetakan Rina Sdn. Bhd.

-Buku teks tingkatan 3:

Khaw Ah Seng, Habibah Hj Lateh, Tan Koh Lim, 2004, Buku Teks Geografi Tingkatan 3, Ipoh, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

-Kamus Dewan dan Pustaka 2007

### 2) Laman Web

<http://www.malaysia-traveller.com/bukit-gasing.html>

[www.malaxi .com/Malaysia map directory](http://www.malaxi.com/Malaysia map directory)

<http://www.bgpa.wa.gov.au/kings-park/visit/help-you/things-to-do>

<https://www.infojepang.net/item/taman-botani-kyoto/>

[http://eps.mbpj.gov.my/rkk2020/projek\\_pembangunan.pdf](http://eps.mbpj.gov.my/rkk2020/projek_pembangunan.pdf)

### 3) Melawat Tempat Kajian

Gasing Indah ..... , Petaling Jaya

### 4) Orang Sumber

a) Pengusaha Van Sekolah

Encik Muhd Yusof Bin Ismail

No ...,Jalan .../4 Taman .....54200 Kuala Lumpur.

b) .....

**\*\*\* Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagat.  
Gunakan tips ini sebagai panduan.**

**Get our 100% exam tips (PT3)  
for BM, BI, Mathematics, Science &  
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now**

**via [www.andrewchoo.com.my](http://www.andrewchoo.com.my)**

**or**

**Join our LIVE Seminar PT3  
at University Malaya on 10 Sept'17 (Sun)\*\***

**www.ANDREW**